



Yayasan Waqaf Malaysia

SIARAN MEDIA

PROGRAM TEMU SERU BERSAMA KOMUNITI MADANI PERINGKAT ZON UTARA

Agensi Hal Ehwal Agama Salur RM192,200.00 Bantu Perkasa Komuniti

SUNGAI PETANI, 9 Jun 2026 – Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang membawa slogan ‘Madani Membantu’ terus memperkukuhkan agenda kebajikan rakyat menerusi Program Temu Seru Bersama Komuniti MADANI Tahun 2026 Peringkat Zon Utara yang berlangsung di Dewan Serbaguna Masjid Sultan Abdul Halim, Taman Ria Jaya, Sungai Petani, Kedah.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM. **Program ini secara keseluruhannya melibatkan pelbagai inisiatif bantuan dan santunan komuniti daripada agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) iaitu Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dan Yayasan Taqwa-MAIWP dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM192,200.00.**

Menurut YB Senator, program ini merupakan manifestasi komitmen kerajaan melalui pendekatan ‘MADANI Membantu’ yang bukan sekadar slogan, tetapi diterjemahkan melalui tindakan turun padang, menyantuni rakyat dan memastikan kebajikan masyarakat terus diberi perhatian.

Antara pengisian utama program santunan komuniti ini adalah melibatkan **lawatan ziarah kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU), penyampaian sumbangan kotak makanan kepada golongan yang memerlukan serta bantuan pendidikan kepada anak-anak asnaf** bagi menyokong pembangunan modal insan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Selain itu, **program ini turut memberi fokus kepada pemerkasaan institusi masjid dan surau melalui penyaluran sumbangan pengimaran dan aktiviti kepada 10 buah masjid dan 10 buah surau di sekitar Sungai Petani.** Bantuan tersebut bertujuan memperkukuh pelaksanaan aktiviti keagamaan, pendidikan, kebajikan dan pembangunan komuniti secara berterusan.

YB Senator Dr. Zulkifli Hasan turut menegaskan bahawa masjid dan surau perlu terus berfungsi sebagai pusat pembangunan ummah yang menyeluruh, bukan sekadar tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat ilmu, pembentukan sahsiah generasi muda dan penyatuan masyarakat.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) selaku penyelaras utama program, bersama-sama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Yayasan Taqwa-MAIWP, jawatankuasa masjid dan surau, para sukarelawan serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.

Sebagai penyelaras utama program, YWM melihat pendekatan 'MADANI Membantu' yang dibawa oleh kerajaan mempunyai keserasian yang amat dekat dengan falsafah wakaf yang menekankan nilai ihsan, kebersamaan dan tanggungjawab sosial dalam membantu golongan yang memerlukan. Program seumpama ini selaras dengan aspirasi untuk menjadikan wakaf sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi ummah yang mampan.

Di akhir ucapan, YB Senator Dr. Zulkifli Hasan turut menyeru semua agensi dan pihak berkaitan untuk memastikan usaha kebajikan yang dilaksanakan tidak bersifat bermusim, sebaliknya diteruskan secara berterusan melalui pemantauan dan susulan yang menyeluruh terhadap keperluan masyarakat setempat.

– TAMAT –

Yayasan Waqaf Malaysia
9 Jun 2026

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:
Cik Haidatul Azia binti Husin
Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
019-3883395 | azia@ywm.gov.my

Cik Nur Ain binti Mohd Nazri
Eksekutif Media Bahagian Pemasaran dan Korporat
Yayasan Waqaf Malaysia
011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my